



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
13 MEI 2023 SABTU

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM TANGANI PENINGKATAN KOS SARA HIDUP, PEMERKASAAN AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	CUACA PANAS TAK JEJAS BEKALAN MAKANAN NEGARA, HM -ONLINE	
3.	CUACA APANAS TAK BERI KESAN PETANI, NELAYAN HASILKAN BEKALAN MAKANAN, BH -ONLINE	
4.	MALAYSIA IMPORT DAGING LEMBU HANWOO DARI KOREA SELATAN, BH -ONLINE	
5.	FIRST CONSIGNMENT OF HALAL KOREAN BEEF TO BE IMPORTED TO MALAYSIA FROM NEXT MONTH, NATION, CHINA PRESS -A10	
6.	CHAN URGES OPERATORS TO INCREASE MALAYSIA'S CHINA DURIAN MARKET SHARE, WEST MALAYSIA, SEE HUA DAILY NEWS -5	
7.	KAPAL TAK BOLEH BERLABUH DALAM ZON PERIKANAN PANTAI PUTERI – EXCO, UM -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	CONCERN OVER DROP IN TURTLEW EGGS IN LABUAN, METRO, THE STAR -4	
9.	NAFAS SASAR KEMBALIKAN DIVIDEN 10 PERATUS, MALAYSIA MSN -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
10.	NAFAS UMUM DIVIDEN DPK 8 PERATUS, SH -ONLINE	
11.	611 NELAYAN KELANTAN TERIMA ESHN, BANTU RINGKANKAN BEBAN AKIBAT KRISIS EKONOMI, GETARAN, ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## KPKM tangani peningkatan kos sara hidup, pemerkasaan agenda keterjaminan makanan



Oleh Yovinka Devi

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata pendekatan secara 'bottom-up' dan 'top-down' akan terus dilaksanakan kerajaan secara strategik.

Ini bagi mengatasi isu peningkatan kos sara hidup dan memperkasa pelaksanaan agenda keterjaminan makanan.

Pada majlis perhimpunan dan ramah mesra bersama warga KPKM yang diadakan di Serdang baru-baru ini, Menteri KPKM Datuk Seri Mohamad Sabu mengucapkan penghargaan kepada semua warga kementerian kerana telah bekerja keras memastikan bekalan makanan sepanjang Ramadan sehingga kini masih mencukupi.

"Tema yang diangkat pada hari ini, iaitu Keterjaminan Makanan Tanggungjawab Semua adalah cerminan kepada peranan kementerian ini sebagai penjamin bekalan makanan negara supaya sentiasa mencukupi dan tersedia buat semua rakyat Malaysia," ulas Mohamad.

Beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh KPKM bagi menangani isu peningkatan kos sara hidup termasuk insentif untuk industri padi dan beras berjumlah RM1.62 bilion yang merangkumi pelbagai program bagi meningkatkan produktiviti padi negara.

Selain itu, sumbangan tunai RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan atau semusim kepada 240,000 pesawah dengan peruntukan sebanyak RM228 juta turut dilaksanakan.

KPKM juga mengadakan Projek Khas Perumahan Nelayan untuk membina dan membaik pulih rumah bagi membangunkan penempatan semula nelayan di samping meneruskan pemberian subsidi bagi telur dan ayam kepada penternak mulai Januari sehingga Jun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM1.28 bilion.

"Bagi membolehkan rakyat mendapat akses kepada bahan makanan segar pada kadar yang berpatutan, KPKM melalui FAMA telah menjenamakan semula Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) kepada Jualan Agro Madani.

"Hasil belian ini kemudiannya diedarkan menerusi 1,548 outlet peruncitan FAMA di seluruh negara," ujar Mohammad.

Dikatakan pada 2023, FAMA akan meningkatkan lagi bilangan penganjuran program Jualan Agro Madani.

Selain itu, KPKM turut memperluaskan penganjuran Jualan Agro Madani ini melibatkan Peladang Outlet di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pasar Nelayan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

FAMA juga telah mengadakan Program Jualan Ramadan Madani di 268 lokasi terpilih seluruh negara seperti di Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok, Sarawak sempena kedatangan Ramadan yang melibatkan penyertaan sebanyak 13,555 usahawan.

Nilai jualan yang direkodkan semasa program berlangsung adalah sebanyak RM20.14 juta.

Manakala bagi Program Jualan Khas Syawal Madani, ia telah dilaksanakan di 103 outlet pemasaran FAMA di seluruh negara bermula 15 April 2023 bagi meningkatkan akses pengguna kepada keperluan bekalan makanan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

“Saya juga ingin mengingatkan diri saya dan kita semua supaya sentiasa menjaga amanah dan berintegriti ketika menjalankan sebarang urusan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	HARIAN METRO	ONLINE	

## Cuaca panas tak jejas bekalan makanan negara [METROTV]



MOHAMAD Sabu (dua kanan) ketika merasmikan kilang air batu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) di Tok Bali, Pasir Puteh. FOTO Nor Amalina Alias

Pasir Puteh: Cuaca panas yang melanda negara ketika ini tidak mempengaruhi bekalan makanan daripada petani, penternak dan nelayan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata bekalan makanan dalam negara masih mencukupi ketika ini dan tidak menerima sebarang laporan berkaitan kekurangan bekalan makanan seperti ikan, daging dan sebagainya yang mungkin terkesan akibat cuaca El-Nino.

Katanya, bagi nelayan di musim panas, bekalan ikan dan makanan laut setakat ini masih mencukupi bahkan bekalan stok melebihi permintaan.

"Namun ini masih peringkat awal, El-Nino dijangka sehingga Ogos, jadi kita akan sentiasa pantau perkembangan bekalan makanan negara," katanya ketika ditemui dalam Majlis Jalinan Mesra Madani Bersama Nelayan Di Tok Bali di sini, hari ini.

Mohamad berkata, musim perayaan lalu juga pihaknya tidak menerima sebarang rungutan berkenaan kenaikan harga atau ketiadaan bekalan makanan seperti daging, ayam dan telur.

Sementara itu, Mohamad turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM600,000 bagi pembinaan tiga lokasi unjam di Negeri Kelantan di bawah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Tumpat, Bachok dan Kota Bharu.

Selain itu, kementeriannya turut meluluskan projek naik taraf dan baik pulih infrastruktur jeti di Kuala Kemasin, Bachok dengan peruntukkan sebanyak RM200,000 yang memberi manfaat kepada 150 nelayan dan 80 bot.

Mohamad Sabu turut merasmikan kilang air batu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) Tok Bali yang mula dibangunkan pada 2019 dan mula beroperasi pada Mac lalu dengan nilai RM10 juta.

Kilang berkapasiti 200 metrik tan dan masa sekarang hanya 100 metrik tan beroperasi dengan kemampuan mengeluarkan sebanyak 700 blok air batu sehari berukuran 145 kilogram per blok.

Selain itu, kementerian melalui LKIM turut menyalurkan bantuan dan insentif seperti RM183,000 elaun sara hidup nelayan (ESHN) kepada 611 nelayan PNK Semerak dan PNK Bachok, bantuan touch-point pukot, jaring dan kotak berinsulasi bernilai RM20,200 kepada 29 nelayan, bantuan Skim Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan (khairat kematian) RM1,500 dan bakul makanan kepada empat penerima serta satu geran Agropreneur Muda (GAM) bernilai RM20,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Cuaca panas tak beri kesan petani, nelayan hasilkan bekalan makanan



Mohamad Sabu menyampaikan bantuan dan insentif kepada nelayan sempena Majlis Jalinan Mesra Madani Bersama Nelayan di Tok Bali, Pasir Puteh. - Foto NSTP/Nor Amalina Alias

PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan cuaca panas ketika ini tidak mempengaruhi petani, nelayan dan penternak untuk menghasilkan serta

mengeluarkan bekalan makanan.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pihaknya akan terus memantau dan membuat kajian mengenai situasi itu dari semasa ke semasa supaya tidak menjejaskan semua pihak.

"Setakat ini kita (KPKM) belum menerima laporan daripada mereka mengenai bekalan makanan tidak mencukupi kerana ia masih lagi di peringkat awal musim panas berlaku dan kita masih lagi mempunyai simpanan stok barangan terbabit.

"Kita akan terus pantau dari semasa ke semasa kerana musim panas ini dijangka berlarutan hingga Ogos depan dan saya nasihatkan kepada petani, nelayan dan penternak supaya menjaga kesihatan dan mengambil langkah berjaga-jaga ketika pergi ke lapangan," katanya selepas Majlis Jalinan Mesra MADANI bersama nelayan di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, hari ini.

Sementara itu, Mohamad berkata kerajaan telah meluluskan sebanyak RM600,000 bagi pembinaan tiga lokasi unjam di Kelantan iaitu Persatuan Nelayan Kawasan Tumpat, Bachok dan Kota Bharu yang akan memberi manfaat kepada 3,785 nelayan.

"Saya juga ingin mengumumkan bahawa sebuah projek naik taraf dan baik pulih infrastruktur jeti di Kuala Kemasin, Kelantan diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM200,000 yang bakal memberi manfaat kepada 150 nelayan dan 80 bot.

"Selain itu, dengan wujudnya Kilang Air Batu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) di LKIM Bachok yang mula beroperasi pada Mac lalu, diharapkan ia dapat membantu nelayan di kawasan ini mendapatkan bekalan ais yang mencukupi untuk memastikan kualiti ikan dapat dipelihara sebelum sampai kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata berikutan teknologi sentiasa berubah dari semasa ke semasa, pertumbuhan dan daya maju sektor perikanan memerlukan nelayan mengubah cara perikanan yang tradisional kepada cara lebih komersial dan lestari.

"Kami sedang berusaha untuk memajukan pengeluaran komoditi perikanan melalui kemudahan jeti pendaratan ikan, pemodenan vesel penangkapan ikan, memberikan bantuan input perikanan seperti bantuan pukot, jaket keselamatan dan lain-lain lagi.

"Kesemua strategi dan program yang diusahakan oleh kerajaan tidak akan dapat dicapai hanya dengan cetusan idea sahaja kerana ia perlu dirancang dengan rapi, dijalankan dengan baik dan diawasi perkembangannya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Malaysia import daging lembu Hanwoo dari Korea Selatan



Chung Hwang Keun (kiri) pada pada sesi temu bual khas bersama BERNAMA mengenai 'Hanwoo Korean Halal Beef' di ibu negara, hari ini. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Eksport daging lembu Hanwoo Korea Selatan yang pertama disahkan halal ke Malaysia bermula bulan depan, membolehkan perdagangan dua hala kedua-dua negara dijangka meningkat.

Ia juga bakal merangsang pengembangan eksport republik itu ke lebih banyak negara-negara yang majoritinya beragama Islam.

Menteri Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar (MAFRA) Korea Selatan, Chung Hwang Keun, berkata berikutan eksport produk baharu itu ke Malaysia, angka perdagangan berpotensi lebih tinggi daripada rekod tahun lalu sebanyak AS\$26.7 bilion (AS\$1 = RM4.47).

"Pada 2022, jumlah dagangan antara Korea Selatan dan Malaysia mencecah AS\$26.7 bilion, meningkat kira-kira AS\$6 bilion atau 30 peratus berbanding 2021.

"Walaupun jumlah nilai eksport daging lembu Korea adalah kira-kira AS\$30 juta tahun lalu, kami menjangkakan kesan positif dalam meningkatkan perdagangan kami dengan Malaysia.

"Memandangkan minat yang tinggi terhadap masakan Korea, dipengaruhi muzik dan drama (televisyen) Korea, kami akan berusaha untuk terus mengaktifkan eksport daging lembu Korea," katanya dalam temu bual eksklusif dengan BERNAMA.

Temu bual itu sempena pelancaran acara promosi Hanwoo Korean Beef hari ini.

Hwang Keun berada di sini untuk lawatan tiga hari bagi bertemu dpegawai-pegawai kerajaan dan syarikat berkaitan import untuk mempromosikan lagi eksport daging lembu Hanwoo Korea.

Terdahulu, beliau bertemu rakan sejawatannya dari Malaysia, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan mengeluarkan deklaras bersama bagi memperluaskan kerjasama dalam keselamatan makanan, pertanian pintar dan eksport makanan.

Memperluaskan daging lembu Korea ke negara-negara Islam

Katanya, Malaysia adalah pasaran pertama bagi daging lembu Korea yang disahkan halal dan terdapat ruang yang besar untuk mengembangkan lagi eksport daging lembu halal.



"Kami menjangkakan pengembangan eksport selanjutnya ke negara-negara lain yang memerlukan pensijilan halal seperti Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), yang mana rundingan mengenai pemeriksaan eksport telah diselesaikan.

"Kami merancang untuk berusaha mengembangkan eksport daging lembu Korea ke negara Islam lain termasuk UAE, dengan memastikan penyediaan pensijilan dan rundingan yang diperlukan," katanya.

Beliau memberitahu, selepas hampir lima tahun perbincangan, pemantauan rapi dan bantuan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), kedua-dua negara telah bersetuju dengan syarat kebersihan import.

Katanya, MAFRA menerima kelulusan akhir setelah melakukan pemeriksaan dari Januari hingga Februari tahun ini.

Perkembangan terkini itu membolehkan Malaysia menjadi negara pertama mempamerkan daging lembu Hanwoo, menjadikannya negara keempat selain Hong Kong, Macau dan Kemboja yang boleh mengimport daging lembu Korea.

"Pada Mac lalu, Korea Selatan telah menubuhkan pusat penyembelihan yang pertama diperakui halal dan berikutan itu, Malaysia menjadi negara pertama yang boleh mempamerkan daging lembu Hanwoo.

"Walaupun menghadapi pelbagai cabaran semasa mendapatkan pensijilan halal, rundingan kuarantin untuk eksport daging lembu Hanwoo telah selesai pada 2020," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Korea Selatan telah memberikan sokongan kepada proses itu dengan memberi penjelasan terperinci kepada pegawai-pegawai JAKIM yang menjalankan pemeriksaan di tapak.

Langkah itu, katanya, menekankan usaha dan persediaan yang luar biasa dilakukan oleh syarikat eksport-import untuk mendapatkan pensijilan halal, sekali gus memudahkan penyelesaian prosedur dengan jayanya.

Mengenai pusat penyembelihan domestik yang banyak diperkatakan di Seoul, Hwang Keun berkata, JAKIM telah menyediakan latihan kepada pekerja untuk meningkatkan kecekapan halal mereka.

"Walaupun tiada pelan khusus untuk berkongsi teknologi dan ilmu halal, kami akan berusaha sedaya upaya memastikan penyembelihan halal dapat dijalankan tanpa sebarang masalah dengan menguruskan proses secara ketat.

"Jika perlu, kami akan mewujudkan peluang pertukaran dengan pakar-pakar halal pada masa hadapan," katanya.

Pada masa ini, hanya sebuah pusat penyembelihan di Korea Selatan yang menerima pensijilan halal, iaitu di Hongcheon, wilayah Gangwon.

Keunikan daging lembu Hanwoo Korea Selatan

Beliau memaklumkan, daging lembu Hanwoo adalah unik, dengan rasanya yang tersendiri dan hanya boleh didapati di Korea Selatan.

Daging lembu itu terkenal dengan jalur-jalur lemak yang sama rata - yang menjadikan tekstur dagingnya lembut dan menghasilkan rasa yang penuh enak - dan telah mendapat reputasi melalui pelbagai media luar negara dan pempengaruh.

"Tambahan pula, setiap peringkat proses pengeluaran Hanwoo, dari ladang hingga ke meja makan, diuruskan dengan ketat melalui sistem kebolehkesanan bagi memastikan keselamatan dan kualitinya.

"Dengan memasukkan nombor pengesanan dalam talian, pembeli atau pengguna boleh mendapat pengesanan secara langsung gred, kawasan pengeluaran dan maklumat ladang daging lembu Hanwoo.

"Kami memohon untuk anda mencuba daging lembu Hanwoo, yang bukan sahaja lazat tetapi juga selamat untuk dimakan," tambah menteri itu.

Pada 2022, Korea Selatan rakan dagangan kelapan terbesar Malaysia, dengan nilai perdagangan berjumlah RM114.21 bilion, meningkat 29.3 peratus daripada yang direkodkan pada 2021.

Negara Asia Timur itu pelabur asing ketujuh terbesar Malaysia dalam sektor pembuatan untuk projek-projek yang dilaksanakan bernilai RM33 bilion. - BERNAMA

Headline	First consignment of Halal Korean beef to be imported to Malaysia from next month		
MediaTitle	China Press		
Date	13 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	90 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,775
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,326



## 首批清真韓國牛肉 下月起進口至大馬



■ 肉况。  
郑煌根说明韩国牛

社”访问时，如是指出。

他在早前拜会了农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布，并一同签署双方加强食品安全、出口与智能农业合作的联合声明。

另一方面，郑煌根说，大马是获得清真认证的韩国牛肉的第一个出口市场，清真牛肉出口有相当大的增长空间

“我们期望能扩大出口韩国牛肉至其他需要清真认证的国家，如印尼和阿联酋，

这些国家的出口检测谈判已完成。”

他说，韩国农林畜产食品部是在和大马伊斯兰发展局（JAKIM）进行长达5年的讨论、监督与援助工作，以及当局于今年1月至2月进行检查后，才获得出口的批准，这也使大马继香港、澳门和柬埔寨后，成为第四个进口韩国牛肉的国家与地区。

Headline	Chan urges operators to increase Malaysia`s China durian market share		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	13 May 2023	Color	Full Color
Section	West Malaysia	Circulation	63,549
Page No	5	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	115 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,289
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,868



## 華榴槿市場馬僅佔3百萬 陳泓縑籲業者提升市佔率

（吉隆坡12日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓縑指出，中国有2亿人有食用榴槿的习惯，而我国榴槿在其中仅占了300万人的市场。

他表示，在这个庞大的市场中，泰国榴槿握有绝大部分的占有率。

“怎样打通中国市场，提

升市佔率，是马来西亚榴槿业的共同功课。”

陈泓縑今日在面子书贴文分享自己到中英街，为我国猫山王榴槿及燕窝体验馆开皇榴槿主持开业仪式。

他亦提及，该企业由马中合资，每日面向5000名游客。



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Kapal tak boleh berlabuh dalam zon perikanan Pantai Puteri – Exco



MUHAMAD AKMAL Saleh (depan) melakukan tinjauan ketika menghadiri Majlis Santai Raya dan Sesi Dialog Bersama Nelayan Tanjung Kling di Balai Nelayan Tanjung Kling, Melaka.

MELAKA: Kerajaan negeri akan melihat semula pewartaan zon kapal di perairan Pantai Puteri di sini bagi memastikan kapal yang bersauh tidak melanggar akta ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, kerajaan negeri memandang serius isu kapal bersauh yang tidak mengikut pewartaan Jabatan Laut hingga memasuki zon perikanan.

Menurutnya, tindakan tegas boleh diambil ke atas kapal terlibat kerana ia menjejaskan pendapatan kira-kira 241 nelayan dari tujuh pangkalan di Pantai Kundor.

“Saya akan mengadakan perbincangan dan taklimat dengan Jabatan Laut termasuk agensi berkaitan serta nelayan terbabit berkaitan zon ini yang sebenarnya sudah lama diwartakan dalam tempoh dua minggu ini.

“Kita tidak mahu lagi kapal-kapal yang bersauh di Selat Melaka yang dikatakan banyak berlaku, melanggar peraturan yang ditetapkan kerana ia memberi kesusahan kepada golongan nelayan khususnya pukat hanyut untuk mencari rezeki.

“Kita juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas kapal-kapal yang bersauh jika memasuki zon perikanan,” katanya ketika menghadiri Majlis Santai Raya dan Sesi Dialog Bersama Nelayan Tanjung Kling di Balai Nelayan Tanjung Kling di sini, hari ini.

Isu kapal bersauh di sepanjang perairan Pantai Puteri sudah berlarutan sejak 2017 dan menjejaskan sumber rezeki nelayan pukat hanyut sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor.

Muhamad Akmal turut meminta Jabatan Laut terus memantau lebih kerap bagi memastikan tiada kapal yang melanggar pewartaan berkenaan.

“Selain itu saya minta para nelayan untuk maklumkan kepada Jabatan Laut jika ada maklumat pelanggaran peraturan dalam usaha membanteras mereka ini agar tidak mengganggu periuk nasi nelayan,” katanya. – UTUSAN

Headline	Concern over drop in turtle eggs in Labuan		
MediaTitle	The Star		
Date	13 May 2023	Color	Black/white
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	4	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	147 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,528
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,584



THE number of turtle eggs at Labuan's marine parks has dwindled by 19.6% possibly due to an increase in sea transport (vessel and passenger boat) traffic, climate change and sea pollution.

Labuan Fisheries Department director Faizal Ibrahim Suhaili said 2,302 eggs were found in 2022 compared with 2,864 eggs in 2021.

He said the islands of

## Concern over drop in turtle eggs in Labuan

Kuraman, Rusukan Besar and Rusukan Kecil were home to hawksbill turtles and green turtles with 20 nests found on the beaches in 2021, before dropping to 19 last year.

"We are taking steps to ensure our beaches at marine parks are safe for turtle landing, but there are factors that are beyond our

control like climate change and the increase in sea traffic and sea pollution that can contribute to the decline in the sea turtles landing on our beaches," he told Bernama.

Faizal Ibrahim said the number of egg hatchings recorded last year was 2,061 compared with 2,646 in 2021.

A study by SeaWorld Parks revealed that for most sea turtle species, undisturbed nests can have more than 90% successful hatchings, while nests disturbed by humans or animal predators tend to have a 25% or even much lower success rate.

Meanwhile, Faizal Ibrahim said his team found 52 hawksbill

turtle eggs at Pohon Batu beach last year with 48 hatched and the turtles released to the wild.

He said from January to March, 1,332 hawksbill turtle eggs were found on Pulau Kuraman and Rusukan Besar.

Faizal Ibrahim reminded members of the public to work closely with the Fisheries Department to protect the endangered species from extinction.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	MALAYSIA MSN	ONLINE	

## Nafas sasar kembalikan dividen 10 peratus



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (dua dari kanan) bersama Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob (kanan) pada majlis Pengumuman Dividen Dana Peladang Kebangsaan (DPK) dan Rumah Terbuka Aidilfitri NAFAS 2023 pada Jumaat. © Provided by Sinar Harian

PETANG JAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyasarkan untuk mengembalikan bayaran dividen Dana Peladang Kebangsaan (DPK) 10 peratus dan ke atas bagi pelabur Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) untuk tahun mendatang.

Pengerusi Jemaah Pengarahnya, Datuk Zamri Yaakob berkata, tahun ini jumlah dividen yang diagihkan sama seperti beberapa tahun lalu iaitu lapan peratus.

Bagaimanapun katanya, jumlah dividen sama untuk tempoh beberapa tahun itu didorong oleh pelbagai faktor termasuklah kesan pandemik Covid-19.

"Kita harap dapat kembalikan agihan dividen tidak kurang 10 peratus kepada pelabur dan diharap apa yang dihasratkan ini dicapai.

"Nafas dalam masa sama juga berharap lebih ramai ahli peladang turut melabur kerana kalau dilihat dari segi jumlah amat sedikit.

"Kita mempunyai kira-kira 921,000 ahli peladang di seluruh negara tetapi ketika ini hanya kira-kira 13,000 atau kurang daripada satu peratus yang melabur," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Pengumuman Agihan Dividen SPKP - DPK dan Pengumuman Pemenang Kempen Jom Labur dan Menang JomPay Bersama Ambank sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Nafas 2023 di salah sebuah premis acara di sini pada Jumaat.

Terdahulu, Nafas mengumumkan dividen DPK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 sebanyak lapan peratus untuk Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP).

Nilai keseluruhan agihan dividen itu berjumlah RM10.2 juta melibatkan hampir 8,000 pelabur.

Kadar dividen berkenaan membabitkan enam peratus dividen dan dua peratus bonus untuk pelaburan RM50,000 pertama.

Majlis Pengumuman Agihan Dividen SPKP - DPK itu disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

## NAFAS umum dividen DPK 8 peratus



Mohamad (dua dari kanan) bersama Zamri (kanan) pada majlis Pengumuman Dividen DPK dan Rumah Terbuka Aidilfitri NAFAS 2023 pada Jumaat.

PETALING JAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengumumkan dividen Dana Peladang Kebangsaan (DPK) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 sebanyak lapan peratus untuk Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP).

Nilai keseluruhan agihan dividen itu berjumlah RM10.2 juta melibatkan hampir 8,000 pelabur.

Kadar dividen berkenaan membabitkan enam peratus dividen dan dua peratus bonus untuk pelaburan RM50,000 pertama.

“DPK turut mengumumkan satu peratus hibah bagi Akaun Simpanan Biasa Al-Wadiah DPK dengan jumlah keseluruhan komitmen bayaran sebanyak RM10.30 juta,” jelas NAFAS dalam satu kenyataan.

Majlis Pengumuman Agihan Dividen SPKP - DPK itu disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di D'Tunjong Banquet Hall, Kota Damansara di sini, pada Jumaat.

Turut berlangsung, Pengumuman Pemenang Kempen Jom Melabur dan Menang Bersama JomPAY dengan kerjasama Ambank sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri NAFAS 2023.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Arriffin.

### Beri pulangan kompetitif

Menurut kenyataan itu lagi, DPK mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM12.5 juta dengan keseluruhan agihan dividen dan bonus sebanyak RM10.2 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember tahun lalu.





Mohamad (tiga dari kiri) bergambar bersama pemenang-pemenang yang menyertai Kempen Jom Melabur & Menang Bersama JomPAY.

“DPK mampu memberikan pulangan yang kompetitif dan konsisten walaupun mengalami ketidaktentuan ekonomi dunia pasca pandemik Covid-19 dengan menguruskan dana berjumlah RM222 juta bagi tahun kewangan 2022.

“DPK meneroka pelaburan baharu yang mapan serta terlibat aktif dalam langganan Saham Tawaran Permulaan Awam (IPO).

“Di samping itu, DPK menawarkan perkhidmatan pembiayaan dan pelaburan usaha sama yang terkumpul lebih RM25 juta bagi projek pertanian sawit dan fertigasi, stesen minyak serta sewa beli jentera yang memberi manfaat kepada rangkaian Pertubuhan Peladang,” jelas kenyataan itu.

Sementara itu, dalam majlis sama, DPK mengumumkan pemenang bertuah yang menyertai Kempen Jom Melabur & Menang bersama JomPAY yang telah berlangsung selama tiga bulan mulai Disember 2022 sehingga Februari tahun ini.

Kempen ini dengan kerjasama Ambank Islamic bagi menarik pelabur DPK melaksanakan transaksi pelaburan secara dalam talian.

Menerusi kempen tersebut, seramai 18 pemenang terpilih melalui cabutan dengan tiga daripadanya adalah pemenang utama.



Pemenang utama, Noraini Yakob (tengah) bergambar bersama pemenang kedua, Rosli Daud (kanan) dan pemenang ketiga, Siti Mariam Jumahat yang memenangi Kempen Jom Melabur & Menang Bersama JomPAY.

Pemenang tempat pertama menerima sebuah motosikal, tempat kedua sebuah televisyen, manakala tempat ketiga menerima telefon bimbit.

Selain itu, 15 pemenang sagu hati pula, menerima telefon bimbit (5) serta sepuluh lagi menerima bar emas seberat 1 gram.

Sementara itu, NAFAS berharap dapat menarik capaian ahli yang lebih memberangsangkan melalui kemudahan transaksi di hujung jari tanpa tunai selaras dengan transformasi digital perkhidmatan DPK.

DPK yang dilancarkan pada 17 Disember 2012 kata kenyataan itu, bertujuan bagi menyediakan perkhidmatan kewangan yang kompetitif serta menggembelng dana untuk diagihkan dalam bentuk pembiayaan dan pelaburan usaha sama kepada ahli serta rangkaian Pertubuhan Peladang.

"Ia melibatkan NAFAS, 14 Pertubuhan Peladang Negeri, 279 Pertubuhan Peladang Kawasan dan hampir sejuta ahli peladang di seluruh negara.

"Justeru, ahli-ahli Peladang di seluruh negara adalah digalakkan untuk melabur bersama Skim Pelaburan Khas Peladang - DPK sekali gus menikmati pelbagai manfaat tambahan dalam membantu meningkatkan sumber ekonomi warga tani serta dapat mengukuhkan sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara," katanya.

#### Reaksi pemenang:



NORAINI

"Terima kasih kepada NAFAS yang telah menganjurkan cabutan bertuah ini. Pertama kali dalam hidup saya memenangi hadiah tempat pertama dalam cabutan bertuah. Saya amat terkejut dan tidak menyangka pelaburan saya telah membuahkan hasil." - Pemenang utama, Noraini Yakob, 51, PPK MADA E2 Usahajaya, Kedah.



ROSLI

"Syabas kepada DPK dan Ambank kerana dengan menggunakan JomPAY, saya dapat membuat penambahan pelaburan dengan mudah dan pantas tanpa perlu hadir ke kaunter. Pelaksanaan JomPAY ini memberi ruang kepada ahli DPK menambah pelaburan pada bila-bila masa sahaja." - Pemenang kedua, Rosli Daud, 57, PPK Kuala Selangor, Selangor.



SITI MARIAM

"Syukur dengan rezeki yang tak disangka-sangka. Saya masuk DPK kerana pulangan dividennya agak tinggi dan mudah berurusan. Saya sentiasa menyokong aktiviti di peringkat PPK, PPN dan NAFAS serta berharap banyak lagi kempen diadakan dan dipelbagaikan bagi menghargai ahli peladang." - Pemenang ketiga, Siti Mariam Jumahat, 39, PPK Ledang Tangkak, Johor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2023	GETARAN	ONLINE	

## 611 Nelayan Kelantan Terima ESHN, Bantu Ringankan Beban Akibat Krisis Ekonomi



Mohamad Sabu (tengah) menyampaikan Bantuan Skim Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan (Khairat Kematian) berbentuk tunai RM1,500 dan bakul makanan kepada empat penerima. - Gambar ihsan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

KUALA LUMPUR - Seramai 611 nelayan di Semerak dan Bachok, Kelantan menerima bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) hari ini.

Jurucakap Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, bantuan berkenaan melibatkan jumlah keseluruhan RM183,300.

Menurut beliau, semua nelayan terbabit menerima elaun berjumlah RM300 setiap seorang.

“Bantuan berkenaan disampaikan menerusi majlis Jalinan Mesra Madani Bersama Nelayan di Tok Bali, Kelantan yang dihadiri menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu.

“Majlis ini merupakan antara inisiatif KPKM melalui Lembaga Kemajuan kan Malaysia (LKIM) dalam mendekati masyarakat nelayan khususnya di Tok Bali, Kelantan,” katanya.



Mohamad Sabu (tengah) merasmikan Kilang Air Batu NEKMAT Tok Bali.

Jelas jurucakap itu, majlis berkenaan juga disusun khas bagi menyalurkan bantuan untuk meringankan beban golongan sasaran dalam menghadapi tekanan ekonomi, berpunca daripada peningkatan kos sara hidup dan musibah.

“Selain ESHN, turut disampaikan adalah bantuan Touchpoint berbentuk in-kind iaitu pukot, jaring dan kotak berinsulasi yang bernilai keseluruhan RM20,200 kepada 29 nelayan.

“Menteri turut menyampaikan Bantuan Skim Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan (Khairat Kematian) berbentuk tunai RM1,500 dan bakul makanan kepada empat penerima,” katanya.

Turut terpilih ialah seorang nelayan yang menerima bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) bernilai RM20,000.

Jurucakap itu memberitahu, Mohamad turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM600,000 bagi pembinaan 3 lokasi unjam di Kelantan.

“Unjam berkenaan akan dibina di bawah PNK Tumpat, Bachok dan Kota Bharu yang akan memberi manfaat kepada 3, 785 nelayan.

“Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga mengumumkan bahawa sebuah projek naik taraf dan baik pulih infrastruktur jeti di Kuala Kemasin, Kelantan telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM200,000 yang akan memberi manfaat kepada 150 nelayan dan 80 buah bot,” katanya.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan perasmian Kilang Air Batu NEKMAT Tok Bali yang dibangunkan pada 2019 dan mula beroperasi pada Mac lalu dengan nilai RM10 juta.

Kilang ini berkapasiti 200 metrik tan tetapi buat masa ini, hanya menjalankan operasi sekitar 100 metrik tan dengan kemampuan mengeluarkan sebanyak 700 blok air batu sehari berukuran 145 kg setiap satu. - Getaran, 13 Mei 2023